



KENYATAAN MEDIA

Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Kompleks A, Jabatan Perdana Menteri
62502 Putrajaya

NZA

MANIFESTASI SOLIDARITI PENJAWAT AWAM: SUMBANGAN MELALUI PENGURANGAN ELAUN DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

YAB Perdana Menteri pada 31 Mei 2021 telah mengumumkan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan bernilai RM40 bilion sebagai tambahan kepada program-program terdahulu. Pelbagai inisiatif diumumkan bagi mengukuhkan sistem kesihatan negara, menyediakan bantuan tambahan kepada rakyat dan perniagaan yang terjejas.

YAB Perdana Menteri juga turut mengumumkan bahawa setiap YB Menteri dan YB Timbalan Menteri tidak akan mengambil gaji bagi tempoh 3 bulan sebagai tanda prihatin dan menyumbang kepada usaha murni ini.

Oleh yang demikian, sebagai manifestasi solidariti penjawat awam dalam hal ini, sebahagian Imbuhan Tetap Keraian (ITK) bagi Pengurusan Tertinggi dan Gred 44 hingga Gred 56, serta Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) bagi Gred 29 hingga Gred 41 yang dinikmati oleh penjawat awam pada masa kini akan disumbangkan kepada Akaun Amanah Bencana. Sumbangan dari lebih 800,000 penjawat awam (tidak termasuk *frontliners* serta penjawat awam Gred 1 hingga Gred 28) adalah dianggarkan berjumlah lebih RM30 juta.

Penetapan sumbangan berdasarkan gred perkhidmatan adalah seperti berikut:

Gred	Kadar Sumbangan	Elaun	Tempoh
JUSA A ke atas	50 peratus	ITK	3 bulan
JUSA B	20 peratus		
JUSA C	10 peratus		
44 hingga 56	5 peratus		
29 hingga 41	RM10	ITKA	

Surat edaran dan perincian pelaksanaan ini akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Kita memahami penjawat awam khususnya sentiasa menjadi tulang belakang Kerajaan dalam usaha mengimbangi nyawa dan kehidupan. Sumbangan ini adalah tanda kebersamaan para penjawat awam dalam menyokong usaha Kerajaan bagi memerangi dan melandaikan keluk jangkitan pandemik COVID-19 di Negara kita. Semoga pengorbanan ini menjadi asbab kebaikan dalam kehidupan bagi setiap anggota Perkhidmatan Awam dan ahli keluarga kita.

Marilah kita meneruskan ikhtiar dan meningkatkan komitmen dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara serta membantu memastikan kita berjaya mengharungi tempoh yang mencabar ini.

Tan Sri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara
1 Jun 2021